

PM kunjungi Dr Mahathir, remaja penerima jantung

Pak Lah turut bangga kecekapan pakar perubatan IJN lakukan tugas

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bangga dengan kecekapan pasukan perubatan Institut Jantung Negara (IJN) kerana menyempurnakan pembedahan pintasan jantung ke atas bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.


Katanya, pakar perubatan di IJN turut melakukan hasil kerja yang baik apabila berjaya melakukan dua pembedahan pindahan jantung ke atas remaja Tee Hui Yi dari Sarawak.

"Mereka sangat berdedikasi dan berazam tinggi. Ini adalah hasil daripada kerjasama antara pesakit, doktor dan juga teknologi," katanya kepada pemberita selepas melawat Dr Mahathir di Wad Bunga Raya, IJN di sini, semalam.

Turut hadir isteri Perdana Menteri Datin Seri Jeanne Abdullah; Pengerusi IJN Datuk Dr Mohamad Salleh Ismail; Ketua Pegawai Eksekutif IJN, Mohd Radzif Mohd Yunus dan Ketua Pakar Kardiorasik Datuk Dr Mohd Azhari Yakub.

Abdullah yang meluangkan masa 45 minit di IJN gembira dengan keadaan Dr Mahathir dan Hui Yi.

Ditanya apakah yang diperkata-



ZIARAH: Abdullah dan Jeanne bertanyakan khabar kepada Hui Yee yang menunjukkan tanda bagus. Turut kelihatan, bapa Hui Yee, Tee Ah Soon (kiri) dan ibunya, Dina Bato Sambua (kanan).

kan kepada Dr Mahathir, katanya, beliau sempat mengucapkan selamat hari raya kepada bekas Perdana Menteri itu dan keluarganya.

Dr Mahathir menjalani pembedahan pintasan jantung di IJN pada 4

September lalu dan pembedahan kedua bagi membersihkan luka pada 22 September.

Pada 5 September lalu, Abdullah dan isteri turut mengunjungi Dr Mahathir yang ketika itu baru saja men-

jalani pembedahan pintasan koronari.

Ketika lawatan itu, Abdullah meminta rakyat mendoakan kesejahteraan bekas Perdana Menteri itu. - Bernama

DATE: 13/10/2007

BERITA HARIAN

NEWSPAPER CLIPPING
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION